

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama**

**Sidang 1987/88**

**HMP 403 - Analisis Kontrastif Bahasa-Bahasa  
di Malaysia**

---

**Tarikh: 3 November 1987**

**Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari.  
( 3 jam )**

**Jawab LIMA(5) soalan sahaja.**

1. Bincang dikotomi di antara pemerolehan bahasa dan pembelajaran bahasa sebagaimana yang dibincangkan oleh S. Pit Corder di dalam artikel 'The Significance of Learners Errors' / Pentingnya kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar. Terangkan kerelevanannya dikotomi ini kepada pembelajaran bahasa kedua.
2. Analisis kontrastif, analisis kesalahan dan bahasa perantaraan adalah tiga perspektif yang berlainan untuk melihat perkembangan fenomena yang sama di dalam pembelajaran bahasa kedua. Bincangkan kenyataan ini.
3. Tulis nota ringkas mengenai:
  - (a) jarak bahasa (language distance)
  - (b) simplifikasi (simplification)
  - (c) gangguan bahasa
  - (d) versi kuat dan versi lemah analisis kontrastif
4. Beza dan banding item-item berikut:
  - (a) gangguan bahasa : peranan bahasa ibunda (S. Pit Corder)
  - (b) strategi ubahsuai topik : strategi menambah sumber
  - (c) kesalahan intralingual : kesalahan developmental

.../2

- (d) dialek standard : dialek tak standard
- (e) analisis kontrastif : bahasa perantaraan
5. Apakah kepentingan pengetahuan mengenai analisis kontrastif, analisis kesalahan dan bahasa perantaraan di dalam usaha guru untuk membentuk suasana pengajaran-pembelajaran yang unggul? Kaitkan jawapan anda dengan pengajaran pemulihan.
6. (a) Sesudah kita bandingkan sistem bunyi bahasa Malaysia atau sistem bunyi Mandarin dengan sistem bunyi bahasa Inggeris, kita dapat bunyi / / tidak terdapat dalam bahasa Mandarin atau bahasa Malaysia. Bincangkan bagaimana anda dapat mengajar bunyi ini kepada pelajar berbahasa Mandarin atau pelajar berbahasa bahasa Malaysia yang ingin menyebut perkataan think / ink / dengan betul.
- (b) Dalam bahasa Mandarin frasa nama yang berhubungan Subjek, Objek Langsung, Objek Tak Langsung dan Objek Oblik boleh direlatifkan dengan secara langsung manakala dalam bahasa Malaysia di antara frasa nama yang tersebut itu hanya frasa nama yang berhubungan Subjek sahaja yang boleh direlatifkan secara langsung. Nyatakan masalah apa yang akan dihadapi oleh pelajar berbahasa Inggeris yang ingin mempelajari bahasa Malaysia atau Mandarin dan bagaimana anda dapat mengatasi masalah itu.

-00000000-